GREENPEACE

KENYATAAN MEDIA
29 OKTOBER 2026

Singapura Ambil Langkah Memperkukuh Undang-Undang Jerebu. Bilakah Malaysia Akan Bertindak?

KUALA LUMPUR, 29hb Oktober 2026 – Ketika Singapura mengambil langkah untuk memperkukuh undang-undang jerebu rentas sempadan dan menyiasat kemungkinan penglibatan syarikat dalam jerebu di Indonesia, Greenpeace Malaysia menggesa kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah yang sama dengan menggubal Akta Udara Bersih yang merangkumi peruntukan tegas berkaitan pencemaran rentas sempadan.

Singapura baru-baru ini mengumumkan cadangan untuk menangani kelemahan penguatkuasaan dalam Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadannya, khususnya cabaran mendapatkan bukti dan kerjasama syarikat merentasi sempadan. Pada 28 Oktober, pemimpin kanan kerajaan Singapura turut mengadakan pertemuan dengan wakil 10 syarikat yang berpangkalan di Singapura bagi mendapatkan kerjasama mereka dalam siasatan. Cadangan pindaan undang-undang tersebut akan memperkukuh keperluan penilaian bebas terhadap operasi syarikat, struktur pemilikan dan rantaian bekalan, serta mengenakan penalti sekiranya gagal memberikan kerjasama.

Wakil Negara Interim Greenpeace Malaysia Heng Kiah Chun berkata:
"*Singapura bukan sekadar mempersoalkan penglibatan syarikat. Negara itu sedang mengambil langkah untuk menangani kelemahan penguatkuasaan dalam undang-undang jerebunya. Malaysia sebelum ini turut membangkitkan cabaran yang sama sebagai halangan untuk memperkukuh perundangan. Jika Singapura boleh mengambil langkah untuk menangani cabaran tersebut, mengapa Malaysia tidak boleh melakukan perkara yang sama? Jerebu tidak mengenal sempadan. Akauntabiliti korporat juga tidak seharusnya terhenti di sempadan negara."*

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini telah menegaskan bahawa Malaysia tidak akan melindungi mana-mana syarikat yang didapati bertanggungjawab terhadap kebakaran hutan di Indonesia. Bagaimanapun, kerajaan Malaysia mengekalkan pendirian bahawa tiada bukti konklusif yang mengaitkan syarikat Malaysia dengan kebakaran tersebut. Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, baru-baru ini menyatakan bahawa kebakaran berpunca dari kawasan di luar ladang milik syarikat Malaysia. Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, turut menegaskan di Parlimen bahawa tiada bukti konklusif terhadap syarikat yang mempunyai kaitan dengan Malaysia, susulan kebimbangan yang dibangkitkan oleh pertubuhan alam sekitar Indonesia, WALHI.

Heng menambah,*"Jika kerajaan menegaskan bahawa tiada bukti konklusif yang mengaitkan syarikat Malaysia dengan kebakaran di Indonesia, kerajaan seharusnya mendedahkan bukti dan hasil penilaian yang menjadi asas kepada kesimpulan tersebut kepada umum. Ketelusan dan penelitian bebas amat penting untuk memastikan fakta sebenar dapat dikenal pasti, di samping melindungi syarikat yang menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab."*

Keperluan untuk penelitian lanjut turut diketengahkan dalam laporan bersama Greenpeace dan Pantau Gambut yang diterbitkan pada 5 Oktober, bertajuk *When Clean Air Is Sacrificed for Global Commodities*. Laporan tersebut mengenal pasti 20 entiti konsesi perhutanan dan perladangan kelapa sawit yang dikaitkan dengan titik sumber jerebu di Indonesia, termasuk konsesi yang mempunyai hubungan dengan kepentingan perniagaan Malaysia dan Singapura. Walaupun dapatan ini tidak membuktikan tanggungjawab mana-mana syarikat terhadap kebakaran tersebut, ia wajar diteliti secara bebas dengan lebih lanjut.

Greenpeace Malaysia menegaskan bahawa Akta Udara Bersih dengan peruntukan tegas berkaitan pencemaran rentas sempadan bukanlah bertujuan menyekat perniagaan, sebaliknya menyokong perniagaan yang bertanggungjawab. Perundangan yang lebih kukuh dapat membantu Malaysia mendapatkan maklumat korporat, menyiasat struktur pemilikan dan rantaian bekalan, serta memastikan pihak yang terbukti bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya. Pada masa yang sama, undang-undang ini juga dapat menyediakan mekanisme yang adil dan berwibawa untuk membolehkan syarikat yang dituduh secara tidak berasas membersihkan nama mereka.

TAMAT